

PEMERKASAAN EKONOMI DIGITAL, TRANSFORMASI PERTANIAN PINTAR



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

INFO@MAFI

DIALOG INDUSTRI 2022 AGROMAKANAN

PERKUKUH JAMINAN SEKURITI MAKANAN NEGARA





DIALOG INDUSTRI AGROMAKANAN 2022 PERKUKUH JAMINAN SEKURITI MAKANAN NEGARA

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) terus komited memperkukuhkan agenda Sekuriti Makanan Negara dengan mengadakan program Sesi Dialog Industri Agromakanan 2022 pada 10 Februari 2022.

Dialog yang bertemakan Pemodenan dan Produktiviti Menjamin Sekuriti Makanan bertujuan mengenal pasti isu sektor agromakanan khususnya aspek sekuriti makanan dan mengambil langkah intervensi yang sesuai mengikut perkembangan semasa, menyeluruh serta holistik dalam usaha memperkasa sektor agromakanan negara.

Program Sesi Dialog ini dihadiri YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) selaku panel sesi dialog. Hadir sama sebagai panel dialog adalah YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh, Timbalan Menteri II MAFI dan YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFI.

Seramai 200 peserta turut serta secara fizikal manakala seramai 1,000 peserta telah mengikuti sesi dialog ini secara Webinar / Facebook Live yang terdiri daripada kalangan pemain-pemain industri sektor agromakanan merangkumi subsektor padi, tanaman, ternakan, perikanan dan keseluruhan rantai agromakanan meliputi persatuan-persatuan dan pemain industri yang terlibat di sepanjang rantai nilai sektor agromakanan seperti wakil pengeluar, syarikat peneraju, pengimport-pengimport dan pengeksport, serta wakil-wakil industri yang aktif terlibat dalam rangkaian pemasaran dan pemprosesan.

Selain daripada pemain industri sektor agromakanan, sesi dialog ini turut melibatkan penglibatan daripada jabatan dan agensi di bawah MAFI serta jemputan daripada kementerian, jabatan dan agensi lain yang berkepentingan dalam sektor agromakanan.



Dialog Industri Agromakanan 2022 ini merupakan salah satu inisiatif MAFI, platform komunikasi dua hala secara terus bersama pemain industri selaras dengan pendekatan *whole of government* dan *whole of society untuk berkongsi idea*, pandangan, cadangan dan hala tuju kerajaan selain mengeratkan kerjasama dan hubungan baik untuk MAFI terus memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat seiring dengan keperluan semasa khususnya melalui golongan sasaran seperti petani, penternak dan nelayan serta semua pemain industri di sepanjang rantaian nilainya.

Selain itu, inisiatif Dialog ini mampu mengenalpasti isu-isu sektor agromakanan khususnya aspek sekuriti makanan sebelum langkah intervensi yang sesuai diambil mengikut perkembangan semasa, menyeluruh serta holistik dalam usaha untuk terus memperkasa sektor agromakanan serta menjamin sekuriti makanan.

Antara isu yang dibangkitkan adalah berkaitan subsidi / insentif, Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB), pengurusan tanaman padi, pendekatan teknologi *Integrated Pest Management*, pembangunan industri sarang burung walit, pembangunan industri hiliran, pengurusan buruh asing, pensijilan, tenaga buruh, lesen, kru asing, pengimportan, tanah Lesen Pendudukan Sementara (TOL), pemasaran dan kenaikan harga input, makanan dan peralatan.



MADA SASAR PENINGKATAN PENDAPATAN PELADANG MELALUI PROGRAM SMART SAWAH BERSKALA BESAR (SMART SBB)

YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan telah melancarkan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) MADA bagi Kawasan MUDA di Perkarangan PPK MADA C-IV Kangkong, Kedah pada 13 Februari 2022.

Memorandum Persefahaman antara MAFI dengan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) serta Memorandum Persefahaman MADA antara BERNAS dengan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) telah dimeterai akan bertindak sebagai syarikat dan badan peneraju.

Program SMART SBB ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam pengurusan sawah berpusat untuk mengoptimumkan penggunaan sumber dan meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman serta pengeluaran hasil padi.

Selain itu, ia juga mampu meningkatkan pendapatan pesawah susulan pengurangan penglibatan orang tengah di sepanjang rantaian nilai industri padi dan beras negara yang dapat dimanfaatkan terus oleh pesawah yang menjadi matlamat utama pelaksanaan SMART SBB.


Sehingga kini terdapat penyertaan sembilan belas (19) syarikat peneraju termasuk Lembaga Zakat Negeri Kedah yang telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Kerajaan mensasarkan pembangunan kawasan penanaman padi seluas 300,000 hektar.



Kejayaan program SMART SBB sebelum ini juga telah diterjemahkan melalui pencapaian Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) MAFI. Sehingga Oktober 2021, bilangan penglibatan dan hasil pendapatan kumpulan sasar iaitu pesawah, telah berjaya melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 280 peratus.

Seramai 3,811 orang pesawah telah mendapat manfaat daripada program SMART SBB melibatkan kawasan penanaman padi seluas lebih 9,500 hektar di beberapa tempat termasuk IADA Barat Laut Selangor dan IADA Seberang Perak. Adalah menjadi harapan MADA agar program SMART SBB dapat meningkatkan hasil padi daripada 5.89 tan sehektar sebelum ini kepada 7.0 tan.

Perancangan ini adalah selaras dengan komitmen Kerajaan di dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) untuk meningkatkan tahap pendapatan pengeluar makanan serta tahap sara diri (SSL) beras negara daripada 63% kepada 75% dalam tempoh RMKe-12 dan 80% pada tahun 2030. Kawasan Muda merupakan kawasan jelang padi terluas di Malaysia dengan kawasan sawah padi seluas 100,658 hektar dengan ahli-ahli peladang berjumlah 57,635 orang.



LAWATAN KERJA YB DATUK SERI HAJI AHMAD HAMZAH, TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN I KE DAERAH MUAR, JOHOR



Pada 12 Februari 2022, YB Datuk Seri Hj. Ahmad Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I telah meluangkan masa untuk mengadakan lawatan kerja melihat projek penanaman nanas berdaftar bersama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) yang diusahakan oleh Encik Muhammad Fadzil bin Yusof, 36 tahun di Kampung Ulu Semerah, Muar.

Usahawan belia berjaya ini telah mengusahakan tanaman nanas dengan keluasan lebih 40 ekar varieti MD2 dan Josapine. Hadir bersama Ketua Pengarah LPNM, Encik Mohd Khairuzamri bin M. Salleh, Pengarah LPNM Johor, Encik Wan Mohd Adiasrol bin Wan Hussain dan pegawai-pegawai daripada Jabatan/Agensi Negeri Johor.



Program kali ini turut diisi dengan beberapa aktiviti seperti, Penyampaian Insentif Peningkatan Hasil Padi Luar Jelapang di bawah Penjana 2022 di Projek Berkelompok Sawah Sungai Balang, lawatan ke ternakan udang dan Penyampaian Bakul Makanan MAFI Prihatin.





PROGRAM PENYERAHAN PRIHATIN OLEH YB DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH, TIMBALAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN II ANJURAN LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG NEGERI KELANTAN

YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Bin Hj. Salleh, Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Makanan II telah merasmikan program penyerahan MAFI Prihatin anjuran Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Kelantan pada 21 Februari 2022 bertempat di Perkarangan Pejabat Khidmat Ahli Parlimen, Pasir Puteh, Kelantan.

Program ini melibatkan 300 orang penerima bantuan dari kalangan golongan sasaran kategori B40 yang melibatkan ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tiga Daerah, PPK Bukit Awang, PPK Semerak dan juga kepada Petugas Barisan Hadapan Negara yang bertugas di Hospital Tengku Anis dan Klinik Kesihatan Daerah Pasir Puteh, Kelantan. LPP Kelantan juga telah menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada golongan yang memerlukan seramai 2,077 ahli Peladang di beberapa PPK.

Dalam majlis tersebut, Datuk Dr. Nik Zawawi juga turut menyampaikan sumbangan kepada PPK yang terlibat di bawah parlimen Pasir Puteh. Setiap PPK telah menerima geran pembangunan LPP sebanyak RM 10,000.00 dan PPK Bukit Awang menerima peruntukan sebanyak RM 3 juta bagi pembinaan bangunan PPK yang baharu.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah Timbalan Ketua Pengarah Operasi LPP, Encik Nik Mohd Shahril Bin Nik Md Hashim, Pengarah LPP Negeri Kelantan, YBrs Encik Mohd Hanifa bin Awang Su, Ketua Polis Daerah Pasir Puteh, DSP Ediansha Bin Endal, wakil Ketua Jajahan Pasir Puteh, Pegawai-Pegawai Kanan MAFI, Pengarah-pengarah agensi di bawah MAFI Negeri Kelantan dan Pengurus Besar Pertubuhan Perladang Kawasan Negeri Kelantan.

LAWATAN KERJA YBHG DATO HASLINA BINTI ABDUL HAMID, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN KE MINGGU PERTANIAN LESTARI DI EKSPLO 2020 DUBAI



Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berjaya menarik potensi pelaburan dengan nilai RM455 juta menerusi penganjuran Minggu Pertanian Lestari di Ekspo 2020 Dubai yang berlangsung pada 21-26 Februari 2022.

Ketua Setiausaha MAFI, Dato Haslina binti Abdul Hamid berkata potensi nilai pelaburan itu melebihi sasaran awal kementerian iaitu RM350 juta seterusnya menyifatkan penganjuran minggu tersebut sangat berjaya. Potensi itu dicapai menerusi pemeteraian 12 Memorandum Persefahaman (MoU) antara syarikat Malaysia yang mengambil bahagian dengan syarikat tempatan melibatkan kerjasama teknikal, pelaburan, penyediaan fasiliti perniagaan (*business facilitation*) selain penyelidikan dan pembangunan.

Selain berjaya mewujudkan kerjasama perniagaan, Minggu Pertanian Lestari itu juga merupakan platform terbaik untuk syarikat Malaysia meluaskan pasaran halal bukan sahaja di sini atau Emiriah Arab Bersatu (UAE), malah ke pasaran Timur Tengah.

Antara aktiviti yang diadakan sepanjang minggu termasuk demonstrasi masakan tempatan, ukiran serta edaran buah-buahan tempatan seperti durian, nangka, pamelu dan jambu batu berjaya menarik kira-kira 40,000 orang pelawat ke Pavilion Malaysia.

YBhg. Dato Haslina turut berterima kasih kepada semua pihak yang menjayakan Minggu Pertanian Lestari dengan Malaysian Bioeconomy Development Corporation sebagai agensi pelaksana serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi selaku peneraju penyertaan Malaysia di Ekspo 2020 Dubai.





MAJLIS PELANCARAN PROGRAM KEBITARAAN LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA PERINGKAT NEGERI TERENGGANU

Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Kebitaraan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Peringkat Negeri Terengganu pada 20 Februari 2022. Pelancaran tersebut telah berlangsung di Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Terengganu (PERKAYA) selaku salah satu institusi yang menyertai Program Kebitaraan di Negeri Terengganu.

Program Kebitaraan merupakan salah satu program di bawah Projek Transformasi Teknologi dan Pengurusan Tanaman Nanas LPNM. Program ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan mengenai teknologi penanaman nanas kepada komuniti setempat. Selain itu, program ini juga dapat memanfaatkan kawasan dengan tanaman nanas yang boleh memberi pulangan dan dijadikan lanskap untuk mempercantik lanskap kawasan sekitar.

JELAJAH Aspirasi
Keluarga MALAYSIA

3 - 5 MAC 2022
DATARAN ANGSA NA JOHOR BAHRU MALL,
JOHOR DARUL TA'ZIM
9.00 PAGI - 8.00 MALAM

WWW.KELUARGAMALAYSIA.GOV.MY
MYKELUARGAMALAYSIA

PATUNSI SOP, PAKAI PELUTUP MUKA,
KERAP SANITASI TANGAN DAN JAGA JARAK FIZIKAL.

SIDANG REDAKSI

PENAUNG:
YBHG. DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

KETUA EDITOR:
SALMAH BINTI RAMLI

EDITOR:
NURIL MUTMAINNAH BINTI ROSLAN

GRAFIK:
SURAIYA HANI BINTI ZAMARI

JURU FOTO:
MOHD NAJIB BIN ABDUL JABAR

IDEA, KONSEP & TERBITAN:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, MAFI